

SOALAN NO. 38**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN SHAMSUL
ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT
KATIL]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan cadangan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya 2011 dan apakah tindakan Kerajaan terhadap cadangan berkenaan Kerajaan sementara, pengundian awal dan pengundi luar kawasan (termasuk pengundi Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor-syor yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam Laporan Awal Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada 3 Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Penggunaan dakwat kekal;
- (ii) Pengundian awal kepada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan Pasukan Gerakan Am (PGA);
- (iii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara;
- (iv) Pembersihan daftar pemilih yang berterusan;
- (v) Memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari berbanding 7 hari;
- (vi) Ketelusan proses mengundi di mana pelan susun atur dalam saluran telah diubahsuai dan orang yang dipercayai oleh pemilih

kurang upaya dibenarkan untuk membantu dalam membuat penandaan pada kertas undi;

- (vii) Penambahbaikan proses pencalonan di mana proses bantahan dan proses penarikan balik pencalonan dimansuhkan;
- (viii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada pekerja media; dan
- (ix) Memanjangkan tempoh minimum berkempen dari 7 hari kepada 11 hari.

Berhubung dengan cadangan pengundian di luar kawasan, perkara ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan ia bertentangan dengan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan yang mana seseorang pemilih berhak untuk mengundi di bahagian pilihan raya di mana seseorang pemilih itu berdaftar. Selain itu, ia juga adalah selaras dengan Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang hanya membenarkan pemilih mengundi di bahagian pilihan raya di mana mereka didaftarkan. Manakala bagi pengundian awal, SPR telah melaksanakan pengundian awal kepada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan PGA bermula pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, fungsi dan peranan SPR hanya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;
- (ii) Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (iii) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Sekian, terima kasih.